

PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Ruj. Kami : UPM/PEND/500-3/10/6
Tarikh : 4 April 2018

Senarai Edaran Seperti Di Lampiran

YBhg. Prof./Dato',

KRITERIA KENAIKAN PANGKAT LALUAN KERJAYA BAHARU PEGAWAI AKADEMIK UPM

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa kriteria kenaikan pangkat laluan kerjaya baharu pegawai akademik UPM berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) - PPPM(PT) telah diperaku oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dalam mesyuaratnya yang ke-631 (Khas) pada 19 Januari 2018 (sebagaimana disahkan pada 30 Januari 2018). Perakuan ini telah dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang ke-122 pada 12 Februari 2018 dan LPU secara prinsipnya bersetuju meluluskan kriteria tersebut.

3. Untuk makluman YBhg. Prof./Dato', bagi maksud pelaksanaan laluan kerjaya baharu tersebut, JPU juga telah meluluskannya dalam mesyuarat yang ke-634 pada 14 Februari 2018 (sebagaimana disahkan pada 21 Februari 2018). **Tarikh pelaksanaan laluan kerjaya baharu pegawai akademik UPM adalah pada 1 Jun 2018.** Pegawai akademik di Kampus Serdang diberikan pilihan sama ada menggunakan kriteria kenaikan pangkat yang baharu atau kekal menggunakan kriteria kenaikan pangkat sedia ada sehingga 31 Mei 2019; manakala bagi pegawai akademik di Kampus Bintulu pula, mereka diberi kelangan untuk menggunakan kriteria kenaikan pangkat sedia ada sehingga 31 Mei 2020.

4. Sehubungan itu, **bersama-sama ini dimajukan kriteria kenaikan pangkat tersebut untuk perhatian semua pegawai akademik UPM.**

5. Untuk makluman YBhg. Prof./Dato', Borang Opsyen bagi pemilihan laluan kerjaya baharu pegawai akademik UPM akan diedarkan kepada semua pegawai akademik UPM dalam masa terdekat.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Dato' berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.
Sekian.

"BERILMU BERBAKTI"

Yang menjalankan tugas,



(NOR ADIDA BINTI ABD KHALID)

b.p. Pendaftar

SENARAI EDARAN

Dekan, Fakulti Pertanian

Dekan, Fakulti Perhutanan

Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar

Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Dekan, Fakulti Kejuruteraan

Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan

Dekan, Fakulti Sains

Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan

Dekan, Fakulti Ekologi Manusia

Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina

Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

Dekan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar

Dekan, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM Kampus Bintulu

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM SERDANG/97008 BINTULU

s.k.: Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Pendaftar